

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: University Teaching and Learning Centre
Sent: 25 Julai 2016 16:18
To: UUM - All Staff
Cc: UUM - UTLC
Subject: MOOCs 2016: EVOLUSI P&P TERKINI



Pusat Pengajaran
Pembelajaran Universiti
UNIVERSITY TEACHING AND LEARNING CENTRE

Universiti Utara Malaysia



"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"

(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

25 JULAI 2016 | 20 SYAWAL 1437 H

=====

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

MOOCs 2016: EVOLUSI P&P TERKINI

UTLC ONLINE: 25 Julai 2016, satu sesi rakaman video pengenalan kursus Massive Open Online Course(MOOCs) telah diadakan pada minggu ini bersama **Dr. Rafeah Mat Saat** dan **Dr. Norhaiza Khairudin** bagi kursus **Accounting System Analysis and Design** dari **Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz**.

Berlangsung disekitar persekitaran Jabatan Canselori, sesi rakaman ini berjalan lancar hasil kerjasama yang diberikan oleh Dr. Rafeah dan Dr. Norhaiza serta warga Jabatan Canselori dalam menjayakan sesi penggambaran kali ini.

Sebelum itu, pada tahun 2015 Pusat Pengajaran Pembelajaran Universiti (UTLC) telah Berjaya membangunkan 4 kursus MOOCs iaitu **Islamic Banking Management**, **International Business**, **Export Management** dan **Introduction To Object Oriented Programming** hasil kerjasama dari Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS), Pusat Pengajian Pengkomputeran (SOC) dan Pusat Pengajian Antarabangsa (SOIS) yang telah diletakkan di dalam platform atas talian dan boleh diakses oleh segenap lapisan masyarakat seluruh dunia melalui capaian <https://www.openlearning.com/uummooc>

Massive Open Online Courses atau lebih dikenali sebagai MOOCs merupakan suatu evolusi terkini dalam proses pengajaran dan pendidikan (P&P) yang berkonsepkan

belajar merentasi sempadan, tiada penetapan had umur dan kos yang membebaskan boleh dikurangkan. MOOCs yang dibangunkan akan digunakan oleh semua pelajar UA Malaysia dan dapat dicapai oleh komuniti akademik seluruh dunia.



Sekian, terima kasih.



DARIPADA:
PUSAT PENGAJARAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI (UTLC)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
PUSAT KONVENSYEN
06010 UUM SINTOK
KEDAH DARUL AMAN.
TEL : 04-928 4697
FAKS : 04-928 4702
E-MEL : utlc@uum.edu.my

